


# orangmuda.



**Nur Fatimatuz Zahrah Ramly:** Kita tidak akan berasa sangat letihnya apabila melakukan banyak aktiviti berpuasa.

**Naddin Kamal Idris:** Aktiviti mengaji al-Quran bersama-lah yang berkesan kerana ia boleh mengeratkan hubungan antara satu sama lain.

**Abu Dzar:** Membaca al-Quran beramai-ramai bukan sekadar menyenangkan tetapi juga menjadi terapi menerangkan jiwa.

Deri kiri: Nur Fatimatuz Zahrah Ramly, Nazatul Khairani Ashikin Harris, Nurul Amira Mohd Fadzli, Naddin Kamal Idris, Muhammad Amirul Jaafar dan Abu Dzar Al Ghiffari Syakirin.

**info**

**Tadarus**

Aktiviti tadarus ini dijalankan setiap bulan puasa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bertempat di Masjid UKM.

Dibahagikan kepada beberapa kumpulan.

Peserta terdiri daripada pelajar dan orang awam.

Dianjurkan oleh Persatuan Ikatan Studi Islam UKM (ISIUKM).

## lepak spot

# Berlumba-lumba mencari keberkatan

Keletihan tidak dirasai apabila berkumpul beramai-ramai untuk bertadarus

Ramadan adalah bulan di mana umat Islam berlumba-lumba dalam melakukan ibadah dan meningkatkan keimanan dan ketakwaannya kepada Allah.

Tidak kira dewasa mahupun kanak-kanak mahu menikmati kemanisan menjalani ibadah dalam bulan yang penuh barakah ini.

Begitu juga dengan enam anak muda ini yang tidak mahu melepaskan peluang merasai kenikmatan melakukan perkara yang dituntut oleh agama dalam memelihara lagi bulan ini seperti aktiviti bertadarus.

Seorang daripada mereka, Naddin Kamal Idris, pelajar jurusan Sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata aktiviti tadarus ini sudah dilakukan sejak tahun lalu kerana minat dan satu perkara yang memberi manfaat kepadanya.

"Ramadan adalah bulan yang baik dan satu madrasah kepada umat Islam dalam

membentuk keperibadian dan akhlak yang tinggi dalam diri kita dan agak rugi kepada mana-mana umat Islam yang tidak mengambil peluang ini.

Pelbagai aktiviti yang boleh kita buat dalam bulan ini antaranya solat Terawih, bersedekah dan mengaji al-Quran.

"Bagi aktiviti mengaji al-Quran kita boleh melakukannya secara individu mahupun berkumpul tetapi lebih seronok jika dilakukan secara berkumpul kerana boleh mengenali antara satu sama lain," katanya.

**Sama-sama membetulkan bacaan**

Aktiviti ini dilakukan dengan mewujudkan satu kumpulan dan memilih waktu yang sesuai untuk berkumpul bersama dan membaca al-Quran.

Menariknya, setiap orang boleh memperbaiki cara bacaan melalui teguran daripada rakan kumpulan yang lebih arif

"Selain membetulkan kesalahan tajwid, secara tidak langsung menjadikan diri kita lebih berdisiplin ketika membaca al-Quran," kata Naddin.

Naddin berkata pada mulanya agak susah untuk istiqamah dalam melakukan bacaan secara berkumpulan ini tetapi memikirkan ini adalah satu aktiviti yang dituntut agama, membuatkan masing-masing bersemangat.

"Memang penat kalau sudah sehabis tak makan, tambah pula dengan aktiviti sehabis membuatkan saya cepat letih namun dorongan kawan-kawan menjadikan saya lebih bersemangat.

"Aktiviti tadarus ini kemudian diteruskan dengan berbuka puasa bersama-sama," katanya.

**Keletihan tidak dirasai**

Sementara itu, Nur Fatimatuz Zahrah Ramly berkata, bertadarus beramai-ramai adalah satu cara menghidupkan Ramadan yang penuh dengan barakah



Memberi makanan untuk bersahur kepada mahasiswa yang berada di kolej.

dan kenikmatan pahala.

"Apabila melakukan aktiviti tadarus beramai-ramai baru rasa, 'Oh! Bapa-rupanya aku sekarang berada dalam bulan Ramadan'."

"Selain itu, apabila saya penat melakukan aktiviti sehabis, waktu bertadarus ini secara tidak langsung akan memberi ketenangan yang sukar digambarkan bila kita mendekatkan diri dengan Allah," katanya.

Tambahnya lagi, banyak program yang dibuat bersama rakan-rakan lain, antaranya adalah singgah sahur di UKM, arah gelandangan dan edaran busur tambuk.

"Semua aktiviti ini dapat diisi dengan bertadarus tanpa merasakan lelahnya berpuasa sehabis serta membuat masa kita diisi dengan sebaknya," katanya.

**Memberi ketenangan jiwa**

Bagi Abu Dzar Al Ghiffari Syakirin berkata, bertadarus beramai-ramai memberi ketenangan kerana selain dapat merayakan Ramadan, dapat berjumpa dan



beramah mesra dengan pelbagai peringkat umur.

"Aktiviti ini disertai oleh pelajar UKM dan orang yang tinggal berhampiran dengan kawasan ini.

"Jadi kita boleh lihat pelbagai peringkat umur tidak kira tua mahupun muda sama-sama mempunyai niat bagi meriahkan bulan ini," katanya.

Abu Dzar berkata aktiviti tadarus seolah-olah satu terapi kerana untuk Ramadan kali ini kerana ketibulan sebahagian besar

mahasiswa menghadapi peperiksaan akhir semester.

"Apabila bertadarus kita membaca al-Quran yang semua sedia maklum adalah muqizat yang agung Nabi Muhammad.

"Membaca ayat suci ini seolah-olah terapi yang dapat menerangkan jiwa tambahan lagi saya sedang menghadapi peperiksaan."

"Keseronokan itulah untuk digambarkan kerana bukan sahaja menyenangkan jiwa tetapi menambatkan pahala," katanya.

- profil**
- Naddin Kamal Idris**
- Umur: 22 Tahun  
Asal: Klang, Selangor  
Pendidikan: Penuntut jurusan Ijazah Sarjana Muda Psikologi
- Abu Dzar Al Ghiffari Bin Syakirin**
- Umur: 20 Tahun  
Asal: Pulau Pinang  
Pendidikan: Penuntut jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Laut
- Muhammad Amirul Jaafar**
- Umur: 22 Tahun  
Asal: Teluk Anson, Perang  
Pendidikan: Penuntut jurusan Ijazah Sarjana Muda Perindustrian Melayu
- Nazatul khairani Ashikin Harris**
- Umur: 22 Tahun  
Asal: Kuala Lumpur  
Pendidikan: Penuntut jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Islamiah
- Nur Fatimatuz Zahrah Ramly**
- Umur: 23 Tahun  
Asal: Kelantan  
Pendidikan: Penuntut jurusan Ijazah Sarjana Muda Syariah
- Nurul Amira Mohd Fadzli**
- Umur: 20 Tahun  
Asal: Pulau Pinang  
Pendidikan: Penuntut jurusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi